

GRO 'kopi korek' kena serbu

KUSMO 319109 M/S 10

SUBANG JAYA - Keseronokan 23 pegawai perhubungan pelanggan (GRO) 'kopi korek' melayan hawa nafsu 25 pelanggan di sebuah premis dua tingkat yang turut dijadikan restoran terbantut apabila mereka diserbu di Jalan Puteri 5/5 Bandar Puteri Bukit Puchong di sini kelmarin.

Serbuan pukul 10 malam itu dilakukan selepas polis menerima maklumat daripada orang ramai mengenai kegiatan yang hampir dua minggu dijalankan di situ.

'Kopi korek' adalah gelaran yang

diberikan kepada mana-mana GRO yang merelakan tubuh mereka di-usap lelaki miang dengan mengenakan caj tambahan.

Pemilik premis tersebut menjadikan tingkat bawah bangunan itu sebagai restoran manakala tingkat atas pula dijadikan tempat untuk pelanggan berkaraoke dan melanggan GRO.

Pemilik premis itu amat licik kerana dia sengaja menampal kertas dinding di seluruh bangunan supaya ia kelihatan sama bagi mengaburi

mata pihak berkuasa daripada menyerbu premis tersebut.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar berkata, pihaknya menahan 23 GRO warga asing yang sedang asyik melayan pelanggan yang datang untuk berkaraoke.

"Selepas disemak, kita dapati 14 GRO tersebut merupakan warga Thailand, Vietnam (4) dan China (5) yang berusia antara 20 dan 30-an.

"Mereka ini (GRO kopi korek) ditugaskan untuk menemani pelang-

gan berkaraoke di samping membenarkan mereka diraba hingga di tempat sulit tetapi tidak sampai membawa kepada perhubungan seks di situ," katanya di sini semalam.

Selain itu, pihaknya juga menahan seorang wanita yang merupakan penjaga GRO tersebut dan dua ibu ayam berusia antara 30 dan 40 tahun bagi membantu siasatan.

Menurut Zainal Rashid, ketika serbuan terdapat 25 pelanggan di dalam premis tersebut dan kesemuanya dibebaskan selepas kete-

rangan mereka diambil.

"Kita turut menjumpai tiga tiub dadah dipercayai heroin di dalam salah sebuah bilik di situ yang dipercayai dibuang oleh pelanggan kerana bimbang ditahan polis," katanya.

Ujar Zainal Rashid, pihaknya percaya, GRO tersebut juga menawarkan khidmat seks jika pelanggan dapat memujuknya dan akan melakukan perbuatan tersebut di tempat lain.

Kesemua yang ditahan kini ditahan reman bagi membantu siasatan.